



KERAJAAN MALAYSIA
INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)

**JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

DOKUMEN SEBUT HARGA

SEBUT HARGA NO. : JPPH: B2 BK (S) 175/8/2024

TAJUK KERJA:

**KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH DATARAN PELAJAR, INSTITUT PENILAIAN
NEGARA (INSPEN), PERSIARAN INSPEN, 43000 KAJANG SELANGOR DARUL
EHSAN**

TARIKH TUTUP : 1 APRIL 2024



**INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
PERSIARAN INSPEN
43000 KAJANG
SELANGOR DARUL EHSAN
TEL : 03-89118800 FAKS : 03-89258100**

**HARGA DOKUMEN : DIBERI PERCUMA
(SALINAN PDF SAHAJA)**

**KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH DATARAN PELAJAR, INSTITUT PENILAIAN NEGARA
(INSPEN), PERSIARAN INSPEN, 43000 KAJANG SELANGOR DARUL EHSAN**

ISI KANDUNGAN

1.0 NOTIS SEBUT HARGA

2.0 SURAT AKUAN PEMBIDA

3.0 ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

4.0 SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

5.0 BORANG SEBUT HARGA & SENARAI KUANTITI

6.0 BORANG MAKLUMAT PENYEBUT HARGA

Lampiran 6.1	Borang A	Maklumat Am Latarbelakang Penyebut harga
Lampiran 6.2	Borang B	Data-Data Kewangan
Lampiran 6.3	Borang BA	Laporan Sulit Daripada Bank/ Institusi Kewangan Mengenai Kedudukan Kewangan Penyebut harga
Lampiran 6.4	Borang C	Rekod Pengalaman Kerja
Lampiran 6.5	Borang D	Senarai Kerja Kontrak Semasa
Lampiran 6.6	Borang DA	Laporan Penyelia Projek Atas Prestasi Kerja Semasa Petender
Lampiran 6.7	Borang E	Maklumat Kakitangan Teknikal
Lampiran 6.8	Borang F	Senarai Jentera-Jentera, Peralatan & Perkakasan
Lampiran 6.9	Borang G	Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Pengesahan Dokumen yang dikemukakan oleh Petender

7.0 LAMPIRAN 1



BAHAGIAN 1

NOTIS SEBUT HARGA





**INSTITUT PENILAIAN NEGARA
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada Penyebut harga yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) di dalam bidang yang berkaitan sahaja dan masih berkuatkuasa untuk menyertai sebut harga berikut :

No. Sebut harga	JPPH: B2 BK (S) 175/8/2024
Tajuk	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH DATARAN PELAJAR, INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN), PERSIARAN INSPEN, 43000 KAJANG SELANGOR DARUL EHSAN
Kod Bidang Pendaftaran	Setiap petender perlu berdaftar dengan: 1) CIDB - Gred G2. Kategori - CE dan pengkhususan - CE01 & CE21 2) Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) 3) Kementerian Kewangan Malaysia (Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kod Bidang yang berkaitan).
Syarat Permohonan Softcopy	I) Sijil Pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).
Tarikh, Masa dan Tempat Taklimat	Tidak diwajibkan. Boleh menghubungi En Muhammad Ikhmal Alif bin Roslan, Pegawai Fasiliti (010-3959120) untuk tujuan lawat tapak.
Tarikh Tutup Sebut harga	1 April 2024, Jam 12.00 Tengahari Tawaran sebut harga yang lewat dihantar tidak akan dipertimbangkan
Harga Anggaran Jabatan	RM300,000.00 (RINGGIT MALAYSIA: TIGA RATUS RIBU SAHAJA) Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit. Pihak Kerajaan tidak menjamin bahawa Syarikat akan dipilih dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan

2. Borang Sebut harga akan di emel secara percuma di dalam laman web Institut Penilaian Negara (INSPEN). Hanya firma yang kompeten yang memenuhi syarat diatas sahaja dibenarkan untuk memasuki sebut harga ini dengan mengemukakan Sijil Pendaftaran Asal, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

3. Sebut harga yang telah lengkap diisi dan ditandatangani sah sepenuhnya hendaklah dilakri dan ditaip/ditulis Tajuk Sebut harga dan No. Sebut harga tanpa sebarang pengenalan kontraktor dengan dakwat yang tidak luntur di sudut sebelah atas kiri sampul surat dan dialamatkan kepada:

PENGARAH
INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA, PERSIARAN INSPEKSI
43000 KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN.

4. Dokumen Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga yang disebutkan di atas pada atau sebelum jam 12.00 tengahari, pada tarikh tutup sesuatu Sebut harga tersebut. Sebut harga yang diterima selepas tarikh dan masa Sebut harga ditutup adalah dikategorikan sebagai Sebut harga lewat dan ditolak sepenuhnya serta tidak akan dipertimbangkan. Bukti pos tidak diterima sebagai bukti penerimaan dan Kerajaan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang risiko dan kos yang perlu atau akan dihadapi oleh Penyebut harga bersabit dengan proses Sebut harga ini.

5. **Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan.** Adalah menjadi tanggungjawab Penyebut harga sendiri untuk melawat tapak dan menilai jumlah harga kerja / bekalan / perkhidmatan yang ditawarkan. Sebarang kekeliruan, kekurangan, ketidakcukupan maklumat adalah menjadi risiko Penyebut harga sendiri dan pihak Kerajaan tidak akan menanggung apa-apa juga kerugian/perbelanjaan terhadap kos bersabit dengan perkara tersebut. Syarat-syarat Khas Sebut harga seperti di dalam Arahan Kepada Penyebut harga adalah muktamad dan wajib dipatuhi bagi mempastikan keseragaman setiap Sebut harga.

6. Kerajaan Malaysia tidak akan terikat untuk menerima sebarang Sebut harga terendah atau mana-mana Sebut harga lain serta tiada sebarang alasan akan diberikan ke atas mana-mana Sebut harga yang ditolak/tidak berjaya. Sebarang rayuan/cadangan/bantahan tidak akan dilayan.



BAHAGIAN 2

SURAT AKUAN PEMBIDA



SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

**KERJA-KERJA BAIKPULIH DATARAN PELAJAR, INSTITUT PENILAIAN NEGARA
(INSPEN), PERSIARAN INSPEKSI, 43000 KAJANG SELANGOR DARUL EHSAN**

Saya,* No. K/P Yang mewakili
.....** nombor Pendaftaran
KKM:PKK:
CIDB:ROC:

dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Institut Penilaian Negara** atau mana-mana individu lain, sebagai sogongan untuk dipilih dalam sebut tender/sebut harga*** seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Institut Penilaian Negara** atau mana-mana individu lain sebagai sogongan untuk dipilih dalam tender/sebut harga*** seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga*** di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga*** di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogongan untuk dipilih dalam tender/sebut harga*** seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....

Nama :

Kad Pengenalan :

Cop Syarikat :

Catatan: * Nama Wakil Syarikat

** Nama Syarikat

*** Syarikat Potong mana yang tidak berkaitan

PERINGATAN : Surat Akuan Pembida ini wajib diisi dan ditandatangan.



BAHAGIAN 3

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA



ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. Am

Arahan Kepada Penyebut harga ini, dalam mana mempengaruhi pelaksanaan Kontrak, hendaklah menjadi sebahagian daripada Kontrak.

2. Kaedah Mengemukakan Sebut harga

Penyebut harga sebelum mengemukakan sebut harga hendaklah mengkaji syarat-syarat membuat sebut harga, syarat-syarat kontrak, skop kerja, spesifikasi dan lukisan agar pematuhan dengan syarat-syarat dilaksanakan seperti yang ditetapkan. Penyebut harga tidak dibenarkan meletakkan atau mengenakan syarat tambahan melainkan yang telah ditetapkan dalam dokumen sebut harga. Sebut harga ini dianggap **BATAL** jika Penyebut harga mengenakan syarat tambahan atau mengenakan syarat-syarat lain.

Setiap Penyebut harga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) sebut harga sahaja untuk perolehan ini. Pertimbangan tidak akan diberikan kepada mana-mana Penyebut harga yang mengemukakan lebih dari satu (1) tawaran dan ke semua sebut harganya akan dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan.

3. Cara Melengkapkan Dokumen Sebut harga

Penyebut harga adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan setiap dokumen sebut harga yang dibelinya adalah lengkap dan jika terdapat apa-apa ketidaksempurnaan pada dokumen atau mukasurat di dalam dokumen sebut harga berkenaan berdasarkan semakan oleh penyebut harga dengan Senarai Dokumen Sebut harga, adalah menjadi tanggungjawab penyebut harga untuk merujuk kepada Unit Pengurusan Harta & Fasiliti, Institut Penilaian Negara yang menyediakan dokumen sebut harga supaya pembetulan kepada ketidaksempurnaan tersebut dapat dibuat.

Penyebut harga perlu **MENGISI DAN MENANDATANGANI** dengan dakwat segala maklumat berikut dengan lengkap dan sempurna:-

- (i) Surat Akuan Pembida
- (ii) Borang Sebut harga
- (iii) Senarai Kuantiti

Maklumat-maklumat (i), (ii), (iii) adalah merupakan **MAKLUMAT WAJIB**. Sekiranya penyebut harga **tidak atau gagal untuk mengisi dan menandatangani** maklumat-maklumat ini, sebut harga penyebut harga akan **DITOLAK** dan tidak akan dipertimbangkan.

4. Maklumat Latar Belakang Kewangan Dan Prestasi Penyebut harga

Penyebut harga-penyebut harga hendaklah mengambil maklum bahawa penilaian sebut harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan penyebut harga untuk melaksanakan projek dibida, disamping kemunasabahan harga sebut harga. Justeru itu keupayaan penyebut harga-penyebut harga akan dinilai semasa penilaian sebut harga. Penilaian ini akan dibuat berasaskan kedudukan kewangan, pengalaman kerja, kakitangan teknikal, keempuan loji dan peralatan pembinaan utama dan prestasi kerja semasa penyebut harga.

Bagi membolehkan penilaian ini dibuat dengan sempurna, penyebut harga - penyebut harga dikehendaki mengemukakan Borang Maklumat Penyebut harga.

Borang-borang ini hendaklah diisi dengan maklumat-maklumat yang benar dan data-data yang tepat. Semua butiran perlu diisi dan jawapan yang jelas hendaklah diberikan terhadap semua pertanyaan di dalam borang-borang di atas. Jika perlu helaian tambahan boleh dilampirkan. **Setiap helaian tambahan yang dilampirkan hendaklah ditandatangani oleh penyebut harga.**

Disamping melengkapkan Borang Maklumat Penyebut harga yang tersebut di atas, penyebut harga-penyebut harga dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen berikut bersama-sama sebut harganya :-

- i. Salinan Penyata Bulanan Akaun bank mengenai Wang Dalam Tangan bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup sebut harga.
- ii. Salinan Akaun Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juru Audit yang bertauliah, bagi dua (2) tahun kewangan terakhir.
- iii. Laporan Bank/Institusi Kewangan mengenai kedudukan kewangan penyebut harga.
- iv. Salinan Perakuan/Pengesahan Siap Kerja bagi setiap kerja yang telah disiap.
- v. Salinan Borang KWSP "A" bagi bulan caruman terakhir bagi kakitangan teknikal atau salinan perjanjian perkhidmatan profesional yang diambil khidmat secara kontrak.
- vi. Salinan sijil kelulusan/kelayakan setiap kakitangan teknikal.
- vii. Salinan Kad Pendaftaran atau dokumen-dokumen lain yang membuktikan keupayaan petender atau salinan perjanjian sewabeli/sewapajak atas loji dan peralatan.
- viii. Laporan Penyelia Projek mengenai prestasi semasa Petender, bagi setiap kerja, bekalan dan perkhidmatan.

Dokumen-dokumen ini sangatlah penting untuk membolehkan penilaian keupayaan yang sewajarnya dibuat ke atas penyebut harga. Namun, **dokumen (i) dan/atau (ii) adalah merupakan WAJIB untuk dikemukakan** manakala dokumen-dokumen lain adalah dokumen sokongan. Sekiranya penyebut harga tidak atau gagal untuk mengemukakan dokumen-dokumen wajib, maka sebut harga penyebut harga akan **DITOLAK** dan tidak akan dipertimbangkan.

Semua maklumat dan dokumen-dokumen yang tersebut di atas hendaklah dikemukakan oleh pembida bersama-sama sebut harganya sebelum tarikh tutup sebut harga dan Penyebut harga tidak akan berpeluang lagi untuk mengemukakannya selepas itu. Sebarang maklumat atau mana-mana dokumen tersebut yang diterima selepas sebut harga ditutup tidak akan diambil kira dalam penilaian keupayaan penyebut harga

5. Keputusan Sebut harga Adalah Muktamad

Keputusan mengenai sebut harga yang dikeluarkan adalah muktamad. Sebarang surat menyurat mengenai keputusan sebut harga ini tidak akan dilayan.

6. Perbelanjaan Penyediaan Dokumen Sebut harga

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut harga sendiri.

7. Tempoh Sah Sebut harga

Tempoh sah laku sebut harga adalah selama sembilan puluh (90) hari dan Penyebut harga **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali menarik diri dalam tempoh tersebut. Seandainya penyebut harga menarik diri di dalam Tempoh Sah Laku Sebut harga atau menolak tawaran, tindakan tatatertib akan diambil terhadapnya atau pendaftaran penyebut harga sebagai kontraktor INSTITUT PENILAIAN NEGARA akan dibatalkan sebagaimana difikirkan perlu oleh PENGARAH INSTITUT PENILAIAN NEGARA.

8. Lawatan Tapak

Lawatan tapak adalah sebagaimana yang dinyatakan didalam iklan sebut harga. Jika dinyatakan lawatan tapak sebagai WAJIB, penyebut harga adalah diwajibkan untuk menghadiri lawatan tapak tersebut pada masa dan tempat yang ditetapkan. Kegagalan penyebut harga untuk menghadiri lawatan tapak akan menyebabkan penyebut harga gagal untuk memasuki sebut harga tersebut.

Jika dinyatakan lawatan tapak sebagai DIGALAKKAN, penyebut harga hanyalah dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan sebut harganya bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menganggarkan sebut harga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak tidak akan dilayan.

9. Pembatalan Tawaran Oleh Kerajaan Bagi Mana-Mana Firma Atau Syarikat Kontraktor / Pembekal / Perunding Yang Melakukan Kesalahan Yang Boleh Didakwa Di Mahkamah

Jika pada bila-bila masa selepas tawaran bagi kontrak ini disetujuterima, sekiranya firma atau syarikat Kontraktor/Pembekal/Perunding sama ada pemilik tunggal, perkongsian, pengarah, pegawai, kakitangan, ejen atau mana-mana pekerja yang melakukan kesalahan, gagal mematuhi mana-mana peruntukan akta dan undang- undang atau melakukan aktiviti-aktiviti yang bertentangan dan menyalahi undang- undang yang sedang dikuatkuasakan yang boleh mengakibatkan pendakwaan dilakukan terhadapnya dimana-mana mahkamah maka KERAJAAN boleh untuk menarik balik atau menamatkan tawaran ini dengan serta merta tanpa memberikan sebarang alasan dan tiada apa-apa tuntutan/pampasan akan dibayar kepada firma atau syarikat Kontraktor/Pembekal/Perunding dibawah kontrak ini.

10. Pertanyaan

Sebarang pertanyaan berhubung Sebut harga ini hendaklah menghubungi alamat tersebut:

Pertanyaan Teknikal:

Muhammad Ikhmal Alif bin Roslan
Unit Pengurusan Harta & Fasiliti
Institut Penilaian Negara
Persiaran INSPEK,
43000 Kajang, Selangor

Pertanyaan Berkaitan Pentadbiran:

Fareen Azlen binti Abd Rahim
Unit Perolehan & Kontrak
Institut Penilaian Negara
Persiaran INSPEK,
43000 Kajang, Selangor

11. Pengemukakan Dokumen Sebut harga

Dokumen Tawaran / Sebut harga yang dihantar ke Unit Perolehan & Kontrak, Institut Penilaian Negara dan dokumen perlulah dijilidkan (binding) oleh penyebut harga bagi mengelakkan sebarang kehilangan dokumen / lampiran penting.



BAHAGIAN 4

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA



SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

1. Keseluruhan kerja-kerja yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut harga yang ditunjukkan (kemudian dari ini disebut "Dokumen Sebut harga") akan diberi secara Kontrak.
2. Tiap-tiap penyebut harga mestilah:-
 - a) Menyerahkan dalam suatu sampul surat bertutup dan bermeteri yang dialamatkan sebagaimana ditetapkan dalam Notis Sebut harga, suatu sebut harga yang sah dalam Borang Sebut harga yang diperuntukkan dan ditandatangani dengan sempurnanya. **Borang sebut harga yang tidak lengkap atau tidak bertandatangan akan ditolak.**
 - b) Setiap penyebut harga mestilah mencatatkan dalam ruang yang diperuntukkan dalam Borang Sebut harga masa yang akan dikehendakinya bagi menyiapkan kerja-kerja itu.
 - c) Penyebut harga hendaklah di mana saja dikehendaki dalam Dokumen Sebut harga meletakkan harga yang hendaklah diisi dengan dakwat dan ditandatangani dengan sempurnanya oleh penyebut harga. Harga tersebut hendaklah diteliti dan diselaraskan (jika perlu) oleh Pegawai Penguasa tentang kemunasabahannya.
3. Jika mana-mana penyebut harga :-
 - a. Menarik balik sebut harganya sebelum tamat Tempoh Sah Sebut harga atau apa-apa tempoh lanjutan, atau
 - b. Mengenakan had, syarat atau janjian tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan (dan dalam hal yang sedemikian ianya hendaklah disifatkan sebagai penarikan balik sebut harga ini), atau
 - c. Jika sekiranya sebut harga telah disetujuterima, enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal atau mendeposit Bon Pelaksanaan atau tidak meneruskan kerja-kerja ;

Maka, dalam mana-mana hal itu, **PENGARAH INSTITUT PENILAIAN NEGARA** hendaklah tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini atau membatalkan pendaftaran penyebut harga sebagai kontraktor **INSTITUT PENILAIAN NEGARA** sebagaimana difikirkan perlu oleh **PENGARAH INSTITUT PENILAIAN NEGARA**.

4. Tiada apa-apa perubahan, tambahan atau nota yang tidak dibenarkan, boleh dibuat kepada Borang Sebut harga atau mana-mana Dokumen Sebut harga yang lain.
5. Penyerahan sebut harga adalah seperti dibawah:
 - a) Sebut harga dan dokumen-dokumen berhubung dengannya yang dinyatakan dalam Klausa 2 di atas, mestilah diserahkan ditempat dan pada atau sebelum masa yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga bagi penyerahan sebut harga.
 - b) Jika sesuatu sebut harga tidak diserahkan dengan tangan, penyebut harga mestilah menguruskan bagi sebut harganya dan dokumen-dokumennya yang lain dihantar dengan pos supaya sempat sampai di tempat yang ditetapkan tidak lewat dari masa yang ditetapkan.
 - c) Mana-mana sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dipertimbangkan.

Tiada apa-apa jua perbelanjaan yang ditanggung oleh penyebut harga bagi menyediakan sebut harganya yang boleh dibayar kepadanya.

6. Jika sekiranya atas permintaannya, seseorang penyebut harga diberikan salinan-salinan sesuatu Dokumen Sebut harga, maka adalah menjadi tanggungjawabnya seorang diri untuk meneliti salinan-salinan itu dan memuaskan hatinya bahawa salinan-salinan itu adalah sebenarnya salinan-salinan dokumen yang termasuk dalam Dokumen Sebut harga.

Jika sekiranya terdapat apa-apa perbezaan atau percanggahan antara mana-mana salinan yang diberi kepada penyebut harga dengan salinan dalam Dokumen Sebut harga atau antara mana-mana dokumen yang termasuk di dalamnya, maka adalah menjadi tanggungjawabnya seorang diri untuk memohon secara bertulis kepada Pegawai Penyelaras di Institut Penilaian Negara supaya dibetulkan perbezaan atau percanggahan itu tidak lewat dari tujuh (7) hari sebelum tarikh akhir yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga bagi penyerahan sebut harga. Apa-apa jawapan yang hendak dibuat oleh Pegawai Pengguna di atas permohonan itu hendaklah dibuat dengan cara Memorandum Sebut harga yang hendaklah dihantar kepada semua penyebut harga. Memorandum Sebut harga itu hendaklah menjadi sebahagian daripada Dokumen Sebut harga dan sebut harga yang diterima akan disifatkan sebagai berdasarkan padauraian, ubahsuaian atau perluasan kepada dokumen asal yang mengandunginya.

7. Penyebut harga hendaklah disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya dan telah berpuas hati sebelum menyerahkan sebut harganya tentang jenis bumi dan lapisan tanah, bentuk dan jenis tapakbina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja-kerja, cara-cara perhubungan dengan dan akses ke tapak bina, tempat tinggal yang mungkin dikehendaki dan pada amnya hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luarjangka dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjelaskan sebut harganya.
8. Sebut harga-sebut harga hendaklah terus sah selama tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir bagi penyerahan sebut harga sebagaimana yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga (dalam Syarat-Syarat Membuat Sebut harga ini disebut "Tempoh Sah Sebut harga") dan tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

PENGARAH INSTITUT PENILAIAN NEGARA tidak boleh terikat menyetujuterima sebut harga yang rendah sekali atau mana-mana sebut harga dan juga tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab atas penolakan sesuatu sebut harga serta berhak untuk melantik lebih dari satu penyebut harga untuk melaksanakan kerja ini.

9. Penyebut harga yang berjaya (jika ada) hendaklah diberitahu tentang sebut harganya dengan surat (disebut "Surat Setujuterima Sebut harga") dalam Tempoh Sah Sebut harga atau apa-apa tempoh lanjutan. Penyebut harga tersebut hendaklah dengan seberapa segera yang praktik tetapi sebelum bermulanya kerja mendeposit dengan Pegawai Penguasa, perkara-perkara berikut :-
 - a) Bon Pelaksanaan berjumlah sebanyak 5% daripada jumlah harga kontrak.
 - b) Polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang atau kerosakan kepada harta) atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
 - c) Nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO); dan / atau
 - d) Polisi Insurans Pampasan Pekerja atau Nota liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar.Penyebut harga tersebut hendaklah juga dalam masa yang berpatutan selepas itu mendeposit Polisi Insurans bagi kerja-kerja itu dan melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal.
10. Semua jadual butir-butir yang dilampirkan kepada Dokumen Sebut harga hendaklah diisi dan diserahkan oleh penyebut harga berserta dengan sebut harganya.
11. Tiap-tiap notis yang hendak diberi kepada penyebut harga bolehlah diposkan ke alamatnya yang dinyatakan dalam sebut harga itu dan pengeposan itu hendaklah disifatkan sebagai penyampaian yang sempurna akan notis itu.

12. Perkataan-perkataan "penyebut harga yang berjaya" hendaklah bererti bahawa penyebut harga yang mana sebut harganya telah diluluskan dan disetujuterima oleh **PENGARAH INSTITUT PENILAIAN NEGARA**.
13. Perkataan "penyebut harga" dalam syarat-syarat ini hendaklah disifatkan sebagai termasuk dua orang atau lebih.
14. Jika penyebut harga tidak mematuhi syarat-syarat tersebut diatas mengenai apa-apa jua hal maka sebut harganya boleh ditolak.
15. Peringatan mengenai kesalahan **RASUAH** dalam perolehan kerajaan :-
 - a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan kepada atau daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.
 - b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.
16. Syarat-syarat sebut harga ini, setakat mana syarat-syarat itu mungkin menyentuh pelaksanaan Kontrak ini, hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada Kontrak ini.

17. Setiap penyebut harga yang berjaya bagi tawaran/sebut harga untuk kerja seperti kerja-kerja pembersihan dan penyenggaraan di dalam pejabat serta projek pembangunan/ penyelenggaraan sistem maklumat/ data/ transaksi/ sistem rangkaian di Institut Penilaian Negara **diwajibkan** membuat tapisan keselamatan untuk setiap pekerja yang terlibat. Oleh itu, penyebut harga yang **berjaya** dikehendaki **mengemukakan senarai nama pekerja yang ditugaskan di Premis Institut Penilaian Negara ke Unit Pengurusan Harta Dan Fasiliti dalam tempoh dua (2) minggu selepas Surat Setuju Terima (SST)**. Penyebut harga adalah dianggap telah memasukkan segala kos yang terlibat dalam proses tapisan ini di dalam harga tawaran.
18. Pemansuhan Syarat Perubahan Harga (VOP) bagi Kontrak.
 - a) Peruntukan Syarat Perubahan Harga (VOP) bagi Kontrak Kerja Bangunan, Jalan, Mekanikal dan Elektrikal adalah **DIMANSUHKAN**.
 - b) Sebut harga ini dipelawa adalah berdasarkan prinsip Tawaran Tetap Harga (Firm Price Tender). Oleh itu, penyebut harga hendaklah maklum bahawa tawaran harga yang dikemukakan kepada **Pengarah Institut Penilaian Negara** telah pun mengambil kira risiko perubahan harga bahan binaan/peralatan/alat ganti dan pihak kontraktor terikat kepada sebut harga yang ditawarkan selepas Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani.
19. Kerja Perubahan (VO)
 - a. **Pengarah Institut Penilaian Negara** atau pegawai yang diberikuasa boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai yang diberikuasa atau disahkan kemudian oleh Pegawai yang diberikuasa boleh membatalkan Sebut Harga ini.
 - b. Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai yang diberikuasa akan diukur dan dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/ Ringkasan Sebut harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai yang diberikuasa dan kontraktor hendaklah digunakan.

- c. Bagi perubahan kerja yang melibatkan kuantiti dan kos tambahan hendaklah tidak melebihi dua puluh (20%) peratus dari nilai harga kontrak asal.
20. Kegagalan Kontraktor Memulakan Kerja

Sekiranya kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan di dalam sebut harga maka tindakan penamatan akan diambil terhadap kontraktor.

21. Sub-Sewa dan Menyerah Hak Kerja

Kontraktor dibenarkan mengsub-sewakan kerja kepada kontraktor Firma Yang Kompeten. Kontraktor tidak boleh menyerah hak apa-apa faedah di bawah Sebut Harga ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada pegawai yang diberikuasa.

22. Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP)

- a) Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi Sebut Harga hendaklah sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap.
- b) Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai yang diberikuasa dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos kontraktor sendiri.

- c) Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai yang diberikuasa berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran kontraktor dan menghantarkan salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Perindustrian Pembinaan. Bagi Kerja-kerja elektrikal /mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/ Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.
23. Peraturan Membayar Selepas Siap
- Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar kepada kontraktor setelah siap kerja dengan sempurna, dokumen kontrak telah ditandatangani dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan kepada kontraktor.
24. Perakuan Siap Kerja
- Pegawai yang diberikuasa hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja bermula dari Tempoh Tanggungan Kecacatan.
25. Perakuan Siap Membaiki Kecacatan
- Pegawai yang diberikuasa hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan ataupun apa-apa juga kerosakan lain.



BAHAGIAN 5

BORANG SEBUT HARGA,
RINGKASAN SEBUT HARGA
DAN SENARAI KUANTITI



BORANG SEBUT HARGA KERJA

Sebut Harga Bil : JPPH: B2 BK (S) 175/8/2024

PENGARAH,
Institut Penilaian Negara,
Persiaran INSPEKSI,
43000 Kajang, Selangor.

Tuan,

Sebut Harga untuk:

KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH DATARAN PELAJAR, INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEKSI), PERSIARAN INSPEKSI, 43000 KAJANG SELANGOR DARUL EHSAN

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga, Syarat-syarat Sebut Harga untuk Kerja, Spesifikasi Kerja dan Lukisan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia :

(RM)

2. Saya bersetuju menyiapkan Kerja ini dalam masa _____ minggu dari tarikh mula kerja seperti yang ditetapkan dibawah perenggan 2 Borang Perjanjian Inden Kerja.

Bertarikh pada ____ haribulan _____ 2024

.....
(Tandatangan Kontraktor)

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh:.....

Nama Penuh:.....

No.K/P:.....

No. K/P:.....

Alamat

Alamat:

Atas sifat:.....

Cop

RINGKASAN SEBUT HARGA

KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH DATARAN PELAJAR, INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN), PERSIARAN INSPEN, 43000 KAJANG SELANGOR DARUL EHSAN

Saya / kami yang bertandatangan di bawah ini telah melihat serta memahami segala isi kandungan dan arahan di dalam tawaran dan dengan ini bersetuju membekal buruh, tenaga mahir dan bahan-bahan bagi menyempurnakan kerja-kerja tersebut:-

Jumlah Pukal Keseluruhan Tawaran saya/kami bagi tawaran ini adalah **Ringgit Malaysia**

.....
.....
(RM.....)

Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa TUJUH (7) minggu dari tarikh tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden. Kadar denda lewat sebanyak RM250.00 sehari akan dikenakan kepada saya jika saya lewat menyiapkan kerja ini.

Yang mana terdiri daripada berikut :

ITEM	KETERANGAN	RM
1.	Ringkasan Sebut harga	
JUMLAH HARGA KONTRAK		

.....
(Tandatangan Kontraktor).....
(Tandatangan Saksi)

 Nama Penuh : Nama Penuh :
 No.K.P : No. K.P :
 Alamat : Alamat :

 Tarikh : Tarikh :

 Meterai Atau Cop Kontraktor

Nota Terma Ringkasan Sebut harga :-

“Wang Peruntukan Sementara” hanya akan digunakan atas arahan *Pegawai Pengguna* secara bertulis dan jika tidak digunakan samada separuh atau keseluruhannya, jumlah ini akan ditolak daripada **“JUMLAH HARGA KONTRAK”**

INSTITUT PENILAIAN NEGARA

KERJA-KERJA BAIKPULIH DATARAN PELAJAR, INSTITUT PENILAIAN NEGARA.

Pendahuluan:

1. Kerja yang diliputi dalam kontrak ini mengandungi peruntukan oleh kontraktor dengan risiko dan kosnya sendiri bagi semua bahan-bahan, peranca-peranca, peralatan, loji, pekerja, pengangkutan air dan lain-lain perkara yang perlu untuk pembinaan dan penyiapan kerja di atas mengikut spesifikasi, pelan dan kelulusan sepenuhnya oleh Pegawai Penguasa.
2. Pihak Institut Penilaian Negara berhak mengubah mana-mana kuantiti yang tercatit di dalam Ringkasan Sebut harga yang dinyatakan.
3. Singkatan-singkatan adalah seperti berikut : -

M - METER PANJANG	M2 - METER PERSEGI	M3 - METER PADU
NO - BILANGAN	J.P. - JUMLAH PUKAL	P.S. - PROVISIONAL SUM

Bil.	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
	<u>Nota Awalan:</u>				
1.	Kontraktor dikehendaki menjalankan kerja di atas dengan sistematik dan tidak merosakkan harta benda lain yang berdekatan dengannya.	-	-	-	-
2.	Kontraktor juga bertanggungjawab terhadap segala pembersihan di tapak semasa dan selepas menjalankan kerja mengikut arahan P.P.	-	-	-	-
3.	Kontraktor dikehendaki menyediakan keselamatan terhadap orang awam dan pekerja-pekerja secukupnya.	-	-	-	-
4.	Kontraktor adalah bertanggungjawab membaiki jalan-jalan, parit, bangunan atau yang berkaitan sekiranya berlaku kerosakan semasa atau selepas pembinaan dijalankan kepada keadaan sediada.	-	-	-	-
5.	Kontraktor hendaklah mengisi segala butiran di dalam dokumen ini dengan lengkap seperti di dalam ruangan Maklumat Petender, Borang Kontrak, Senarai Kuantiti dan sebagainya. Kegagalan Kontraktor mematuhi syarat-syarat yang diterangkan seperti di dalam Arahan Kepada Petender dan lain-lain yang berkaitan, maka Pihak Institut Penilaian Negara BERHAK MENOLAK tawarannya.	-	-	-	-
6.	Sebarang butiran yang tidak dihargakan adalah dianggap telah dimasukkan ke dalam harga butiran lain.	-	-	-	-

Bil.	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
